

# Indeks jenayah menurun 319 kes

Sinar Harian 24/05/2010

M/S 511



● Sivaneswaran (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Abdul Jalil.

**PANDAN INDAH** - Statistik indeks kadar jenayah secara keseluruhan di Ampang bermula pada Januari hingga 22 Mei lalu menurun sebanyak 319 kes iaitu 11 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Abdul Jalil Hassan berkata, statistik indeks kadar jenayah pada 2009 adalah sebanyak 3,034 kes berbanding tempoh sama manakala 1 Januari hingga 22 Mei lalu sebanyak 2,715 kes.

"Polis mendapati, kes tertinggi adalah curi motosikal iaitu 636 kes, saya menyarankan kepada pemilik motosikal agar dapat memberi kerjasama dengan meningkatkan keselamatan motosikal masing-masing," katanya selepas Majlis Derma Darah dan Hari Keluarga 2010 anjuran Rukun Tetangga Pandan Indah Fasa 4.

Beliau berkata, kes kedua terbanyak adalah kes pecah rumah pada waktu siang iaitu sebanyak 307 kes.

"Keakraban sesama jiran amat diperlukan, khususnya suri rumah agar bersama memerhati rumah jiran masing-masing dan segera menelefon polis jika berlaku kejadian yang mencurigai.

"Modus operandi penjenayah akan 'berlagak' se-

perti penghantar surat khabar atau risalah rumah ke rumah dan penjenayah ini akan mengenal pasti rumah yang tiada orang di waktu siang kerana pemilik rumah keluar bekerja.

"Dalam masa yang sama, kes curi barang dalam kenderaan pula sebanyak 163 kes dan kebanyakan kes, kenderaan diletakkan di luar rumah," katanya.

Menurutnya, penjenayah menggunakan sejenis alat yang boleh mengenal pasti barang seperti 'smart tag', komputer riba, telefon bimbit atau sebagainya yang diletakkan di dalam kenderaan mahupun di dalam bonet kereta.

"Saya menyarankan agar pemilik kereta tidak menyimpan barang berharga di dalam kenderaan khususnya komputer riba di dalam bonet kenderaan kerana penjenayah akan mengumpul bonet dengan mudah," katanya.

Menyentuh program itu katanya, difahamkan tujuan utama majlis itu diadakan adalah mengeratkan lagi masyarakat yang berbilang kaum di sini.

"Saya dijemput kali kedua oleh Rukun Tetangga Pandan Indah Fasa 4 bagi bersama berbincang isu keselamatan di kawasan ini bagi menentukan tahap keselamatan.

"Walaupun tahap kadar jenayah di kawasan ini berkurangan, pihak polis akan meningkatkan rondaan di kawasan ini.

"Sejak diwujudkan Rukun Tetangga Pandan Indah Fasa 4 kira-kira dua bulan lalu, kes pecah rumah pada waktu malam berjaya dikawal berbanding tahun lepas.

"Ini membuktikan manfaat wujudnya rukun tetangga sekali gus harus dicontohi di beberapa kawasan komuniti yang tidak mempunyai rukun tetangga," katanya.

Turut hadir, Pembantu Khas kepada Ahli Parlimen Pandan, Markus Lim dan Pengerusi Rukun Tetangga Pandan Indah Fasa 4, Sivaneswaran.

## INFO

- Indeks kadar jenayah pada 2009 adalah sebanyak 3,034 kes berbanding tempoh sama manakala 1 Januari hingga 22 Mei lalu sebanyak 2,715 kes
- 636 kes curi motosikal
- 163 kes curi barang dalam kereta